

30/07/1997

Kamaruddin mampu bawa perubahan

PASIR PUTEH, Selasa - Pemimpin Barisan Nasional (BN) Kelantan menyifatkan pemilihan Ketua Umno bahagian Pasir Puteh, Kamaruddin Mohd Nor sebagai calon parti itu dalam pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak sebagai tepat dan mampu membawa perubahan besar kepada rakyat setempat.

Mereka menyifatkan Kamaruddin seorang yang berpengalaman luas dalam gerakan Islam, intelektual, berwawasan dan sederhana bagi memikul amanah kepimpinan jika dipilih sebagai calon.

Ketua Penerangan BN Kelantan, Datuk Mohd Rozali Isohak berkata, pemilihan itu sudah pasti menyukarkan laluan Pas untuk menang semula di Semerak.

"Kamaruddin mempunyai latar belakang yang sukar ditandingi Pas dan seorang yang amat prihatin kepada perjuangan Islam.

"Kalau Pas cuba mengetengahkan calon dengan cuba membawa imej Islam, calon BN sudah terbukti kepemimpinannya dalam perjuangan meningkatkan martabat Islam," katanya.

Pemilihan Kamaruddin yang juga Ketua Umno bahagian Pasir Puteh dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan diumumkan Pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa di bilik gerakan BN, di Cherang Ruku, di sini, malam tadi.

Sementara itu, Ketua Umno bahagian Pasir Mas, Ibrahim Ali berkata, calon Pas wajar menarik diri daripada menentang calon BN itu kerana kemampuannya melaksanakan gagasan perjuangan Islam sudah terbukti berhasil.

(END)